FREQUENTLY ASKED QUESTIONS
Revision of Default Interest Rate / Revised Effective Profit Rate (Revised EPR) for Property Loans/Financing

22 JULY 2025

---

1. **What is Default Interest Rate / Revised EPR?**
Default interest rate/Revised EPR is imposed when monthly payment, whether it is interest/effective profit or instalment (once monthly instalments have commenced) remain unpaid for more than 60 days. The Default Interest Rate/Revised EPR will vary based on the number of days that the monthly payment is in arrears/past payment due date.

2. **When is the revision of Default Interest Rate/ Revised EPR will be effective?**
The revision of Default Interest Rate/Revised EPR will take effect on 15 August 2025.

3. **What are the revised default interest rate/Revised EPR and how it will be charged?**
Effective 15 August 2025, the Default Interest Rate / Revised EPR are as follows:-.

Days past payment due date (dpd)*	Interest/Effective Profit Rate p.a.	Scenario
0 – 60 dpd	Prevailing Interest Rate / Effective Profit Rate	When the monthly payment for the property loan/financing is **paid on time** or is between one (**1**) to sixty (**60**) days past payment due date, the interest / effective profit rate for the facility will be the existing Prevailing Interest Rate/Effective Profit Rate.
61 - 90 dpd	Prevailing Interest Rate / Effective Profit Rate + 2%	When the monthly payment for the property loan/financing **is not paid** and is overdue between sixty-one (**61**) to ninety (**90**) days past the payment due date, the interest / effective profit rate for the facility will be increased to Prevailing Interest Rate/Effective Profit Rate+ **2% p.a.**
91 dpd & above	Prevailing Interest Rate / Effective Profit Rate + 4%	When the monthly payment for the property loan/financing **is not paid after** ninety (**90**) days past the payment due date, the interest / effective profit rate for the facility will be increased to Prevailing Interest Rate / Effective Profit Rate+ **4% p.a.**

**dpd refers to the number of days from the loan/financing account payment due date*
Note: For all Islamic Property financing account, the Revised EPR shall not exceed the Contracted Profit Rate ("CPR").

4. **What can I do for the interest/effective profit rate on my account to be reinstated to the Prevailing Interest Rate/Effective Profit Rate?**
In order for the interest/effective profit rate on the Facility to be reinstated to the Prevailing Interest Rate / Effective Profit Rate, your revised monthly payments (whether interest/effective profit or instalments (after monthly instalments have commenced) must not be overdue for more than 60 days.

5. **I have been paying revised monthly payment on time, when will the interest/effective profit rate be reinstated to my Prevailing Interest Rate/effective profit rate?**
The Prevailing Interest Rate / effective profit rate will be reinstated on the next calendar day after your overdue payments becomes 60 days or less.

6. **Which are the affected products?**
The affected products are Property Loan / Financing accounts with scheduled payments. For all Islamic Property financing, the Revised EPR shall not exceed the Contracted Profit Rate ("CPR").

Products not impacted are:
- Overdraft/Cashline-i facility
- Islamic Property financing account with Bai' Bithaman Ajil and Ijarah contract
- Islamic Property financing account with Commodity Murabahah Tawarruq (only for contract prior to year 2019 or Letter of Offer without the Revised EPR Clause)

7. **Will my loan/financing monthly instalment amount be revised when there is an imposition of Revised Default Interest Rate/Revised EPR?**
Yes, your loan/financing monthly instalment amount or monthly interest/effective profit (for loans/financing on progressive disbursement) will be revised when the Default Interest Rate/Revised EPR is imposed.

8. **Will CIMB inform me if and when my loan/financing instalment amount is revised?**
Yes, we will notify you via mail at least 7 calendar days prior to the revision of monthly instalment amount. The notification will be mailed to your address registered with CIMB.

Please ensure that your latest mailing address is updated with us. To update your mailing address, please visit any CIMB branch or log in to CIMB Clicks website > Select 'update profile'> Update contact detail> 'Update Address'.

9. **What will happen if I do not pay the revised instalment amount promptly?**
If you fail to pay the revised instalment amount promptly:
- you will not be able to pay off your loan/financing within the original loan/financing tenure;
- you may be required to pay a higher final payment amount at maturity to cover the difference;
- there may be an additional overall cost of borrowing /financing; and
- the Bank may proceed with legal action against you and/or foreclose your property and put it up for auction.

10. **What should I do if I can't afford to pay the revised instalment amount?**
If you are facing difficulties in making payment, please contact our Secured Collection & Recovery Team at 03-2635 2088 / 03-2635 2099, Monday to Thursday between 8:45 am to 5:45 pm and Friday 8:45 am to 4:45 pm (excluding public holidays).

11. **How do I find out what my current prevailing interest rate/effective profit rate is or if I have further enquiries on default rate/revised EPR**?

You may refer to your Letter of Offer; or
- Call CIMB Consumer Contact Centre at 03-6204 7788
- Visit any CIMB branch
- CIMB Preferred customers may call 1300 885 300 or reach out to your Relationship Manager.

SOALAN-SOALAN LAZIM
Semakan Kadar Faedah Ingkar / Kadar Keuntungan Efektif Yang Diubah ("KKE Yang Diubah") bagi Pinjaman/Pembiayaan Hartanah

22 Julai 2025

---

1. **Apakah Kadar Faedah Ingkar / Kadar Keuntungan Efektif Yang Diubah ("KKE Yang Diubah")?**
   Kadar Faedah Ingkar / Kadar Keuntungan Efektif (KKE) Yang Diubah dikenakan apabila pembayaran bulanan, sama ada faedah/keuntungan efektif atau ansuran (apabila ansuran bulanan telah bermula) kekal tidak dibayar melebihi 60 hari. Kadar Faedah Ingkar / Kadar Keuntungan Efektif (KKE) Yang Diubah akan berbeza-beza berdasarkan bilangan hari pembayaran bulanan tertunggak/tarikh akhir pembayaran yang lalu.

2. **Bilakah Kadar Faedah Ingkar/ Kadar Keuntungan Efektif Yang Diubah akan berkuatkuasa?**
   Kadar Faedah Ingkar / Kadar Keuntungan Efektif (KKE) Yang Diubah akan berkuat kuasa pada 15 Ogos 2025.

3. **Apakah Kadar Faedah Ingkar / Kadar Keuntungan Efektif Yang Diubah dan bagaimana ia akan dikenakan?**
   Berkuatkuasa 15 Ogos 2025, Kadar Faedah Ingkar / Kadar Keuntungan Efektif Yang Diubah adalah seperti berikut:-

Bayaran tertunggak melepasi tarikh matang bayaran bulanan (dpd)*	**Kadar Faedah/Kadar Keuntungan Efektif setahun**	**Contoh**
0 – 60 hari	Kadar Faedah Semasa / Kadar Keuntungan Efektif Semasa	Apabila bayaran bulanan pinjaman / pembiayaan dibayar tepat pada masa atau dibayar antara satu (1) hingga enam puluh (60) hari dari tarikh perlu bayar, kadar faedah / keuntungan pembiayaan adalah kadar faedah semasa /kadar keuntungan efektif semasa
61 – 90 hari	Kadar Faedah Semasa / Kadar Keuntungan Efektif + 2%	Apabila bayaran bulanan pinjaman / pembiayaan tidak dibayar antara enam puluh satu (61) hingga sembilan puluh (90) hari melepasi dari tarikh perlu bayar, kadar faedah / kadar keuntungan efektif untuk pembiayaan akan dinaikkan ke kadar faedah semasa /kadar keuntungan efektif + 2% setahun
91 hari keatas	Kadar Faedah Semasa / Kadar Keuntungan Efektif + 4%	Apabila bayaran bulanan pinjaman / pembiayaan tidak dibayar selepas sembilan puluh satu (91) hari dari tarikh perlu bayar, kadar faedah / kadar keuntungan efekftif untuk pembiayaan akan dinaikkan ke kadar faedah semasa /kadar keuntungan efektif + 4% setahun

*dpd merujuk kepada bilangan hari dari tarikh akhir pembayaran akaun Pinjaman/Pembiayaan.
Nota: Untuk semua akaun pembiayaan Hartanah Islamik, KKE Yang Diubah tidak boleh melebihi Kadar Keuntungan Kontrak ("CPR").

4. **Apakah yang perlu saya lakukan untuk memastikan kadar faedah/ kadar keuntungan efektif kemudahan saya kembali ke Kadar Faedah Semasa / Kadar Keuntungan Efektif Semasa?**

   Untuk memastikan kadar faedah/kadar keuntungan efektif atas kemudahan anda kembali ke Kadar Faedah Semasa / Kadar Keuntungan Efektif Semasa, bayaran bulanan baharu anda (sama ada faedah/keuntungan efektif atau ansuran bulanan (apabila ansuran bulanan bermula) tidak tertunggak untuk tempoh lebih daripada 60 hari.

5. **Saya telah membayar bayaran bulanan baharu tepat pada masanya, bilakah kadar faedah/kadar keuntungan efektif akan dikembalikan semula kepada Kadar Faedah Semasa / kadar keuntungan efektif saya?**

   Kadar faedah/kadar keuntungan efektif akan dikembalikan semula pada hari kalendar berikutnya apabila pembayaran tertunggak adalah 60 hari atau kurang.

6. **Apakah produk yang terlibat?**

   Produk yang terlibat adalah akaun Pinjaman/Pembiayaan Hartanah dengan pembayaran berjadual. Untuk semua akaun pembiayaan Hartanah Islamik, KKE Yang Diubah tidak boleh melebihi Kadar Keuntungan Kontrak ("KKK").

   Produk yang tidak terjejas adalah:
   - Kemudahan overdraf/Cashline-i
   - Akaun Pembiayaan Hartanah Islamik dengan kontrak Bai' Bithaman Ajil dan Ijarah
   - Akaun Pembiayaan Hartanah Islamik dengan kontrak Komoditi Murabahah Tawarruq (sebelum tahun 2019 atau bagi Surat Tawaran tanpa klausa Kadar Keuntungan Efektif (KKE) Yang Diubah).

7. **Adakah amaun ansuran bulanan pinjaman/pembiayaan akan disemak semula apabila terdapat pengenaan Kadar Faedah Ingkar / Kadar Keuntungan Efektif (KKE) Yang Diubah?**

   Ya, ansuran bulanan atau faedah bulanan/keuntungan efektif bulanan (untuk pinjaman/pembiayaan yang didalam pengeluaran berperingkat) akan diubah apabila akaun anda dikenakan Kadar Faedah Ingkar / Kadar KKE Yang Diubah.

8. **Adakah CIMB akan memaklumkan kepada saya jika dan bila jumlah ansuran pinjaman/pembiayaan saya disemak semula?**

   Ya, kami akan memaklumkan kepada anda melalui pos sekurang-kurangnya 7 hari kalendar sebelum semakan jumlah ansuran bulanan. Pemberitahuan akan dihantar ke alamat anda yang berdaftar dengan CIMB.

   Sila pastikan alamat surat-menyurat terkini anda dikemas kini dengan kami. Untuk mengemas kini alamat surat-menyurat anda, sila kunjungi mana-mana cawangan CIMB atau log masuk ke laman web CIMB Clicks > Pilih 'Update Profile'> Update contact detail> 'Update Address'.

9. **Apakah yang akan terjadi sekiranya saya gagal membayar ansuran bulanan yang diubah?**

   Sekiranya anda gagal membayar ansuran bulanan tepat pada masanya:-

   - anda mungkin tidak boleh membuat penyelesaian penuh didalam tempoh asal pembiayaan kemudahan anda;

- anda mungkin perlu membuat pembayaran balik sekaligus yang tinggi untuk menjelaskan baki pembiayaan;
- anda mungkin perlu menanggung kos kewangan yang lebih tinggi;
- Bank mungkin akan meneruskan dengan tindakan undang undang untuk menjual hartanah anda dan dibuka untuk lelongan.

10. **Apa yang sepatutnya saya lakukan sekiranya saya tidak mampu untuk membayar ansuran bulanan yang diubah?**

Jika anda mengalami masalah untuk menjelaskan bayaran, sila hubungi Pasukan Kutipan & Pemulihan Selamat kami di talian 03-2635 2088 / 03-2635 2099, Isnin hingga Khamis antara jam 8:45 pagi hingga 5:45 petang dan Jumaat 8:45 pagi hingga 4:45 petang (tidak termasuk cuti umum).

11. **Bagaimana cara untuk saya mengetahui Kadar Faedah Semasa / Kadar Keuntungan Efektif Semasa saya dan siapakah yang perlu saya hubungi jika saya mempunyai pertanyaan lanjut mengenai kadar Faedah Ingkar?**

Anda boleh merujuk semula surat tawaran asal kemudahan anda atau;

- Memanggil Pusat Panggilan Pelanggan di talian 03-6204 7788
- Lawati cawangan CIMB terdekat anda
- Bagi pelanggan CIMB Preferred, anda boleh menghubungi talian 1300 885 300 atau menghubungi Pengurus Kewangan anda